

22hb. September, 1978

(Cawangan Naik Pangkat dan Tatatertib)

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1978¹

**PEMANGKUAN / PENANGGUHAN KERJA JAWATAN
DALAM SKIM PERKHIDMATAN YANG SAMA**

Perhatian Ketua-ketua Jabatan adalah ditarik kepada Peraturan 34(d)

[Perintah Am Bab 'B'](#) yang menetapkan bahawa perakuan

pemangkuan/penangguhan kerja hendaklah dikemukakan kepada kuasa melulus sebaik-sebaiknya sebelum seseorang pegawai itu memangku tetapi hendaklah jangan lewat daripada 3 bulan setelah pemangkuan/penangguhan kerja itu dijalankan.

2. Dalam mendapatkan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan adalah diperhatikan bahawa kerap kali berlaku di mana Ketua-ketua Jabatan mengemukakan perakuan itu beberapa bulan selepas pegawai yang berkenaan menjalankan pemangkuan/penangguhan kerja itu. Perakuan yang dikemukakan itu seolah-olah sebagai satu tindakan untuk mendapatkan kelulusan resmi Lembaga Kenaikan pangkat sahaja.

3. Perkara seperti ini adalah tidak memuaskan sama-sekali dan mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua-ketua Jabatan adalah diingatkan bahawa semua perakuan pemangkuan/penangguhan kerja hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan sebaik-baiknya dua minggu sebelum tarikh pemangkuan/penangguhan keda itu bermula. Perakuan yang dikemukakan lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh [Perintah Am Bab 'B' 34 \(d\)](#) tanpa

sebab-sebab yang menasabah tidak akan diberi layanan dan Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab ke atas implikasi-implikasinya.

Saya yang menurut perintah,

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan

Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha

Kerajaan Negeri.

¹ Sila lihat [PP Bil. 6/77](#) untuk penjelasan lebih lanjut mengenai perkara yang berkaitan.